

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 08.06.2022 MASA: 9.45 am

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM SENAM SIHAT
WARGA MBSP

TARIKH / MASA / TEMPAT

10 JUN 2022 (JUMAAT)

8.30 PAGI

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Majlis Perasmian Program Senam Sihat Warga MBSP.

Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

Sekalung tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada Jabatan Khidmat Pengurusan kerana telah berjaya menganjurkan Program Senam Sihat pada pagi ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua warga MBSP yang hadir. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan anda semua dalam suasana majlis yang meriah ini. Syabas dan Tahniah atas kesungguhan serta komitmen yang ditunjukkan oleh jawatankuasa penganjur dan warga MBSP dalam menjayakan Program Senam Sihat ini. Usaha sebegini merupakan satu usaha yang murni kerana

ianya secara langsung dapat memberi kesedaran kepada anda semua bahawa menjaga kesihatan itu sebenarnya adalah hak dan tanggungjawab bersama.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Program Senam Sihat Warga MBSP ini adalah merupakan salah satu program bertujuan untuk memastikan tahap kecergasan serta penerapan amalan ke arah gaya hidup sihat dalam agenda MBSP. Pihak pengurusan MBSP sentiasa komited dalam meningkatkan tahap kesihatan rohani dan jasmani terutamanya kepada warga kerja agar ianya dapat memberi impak yang positif kepada pembangunan sahsiah serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat.

Program Senam Sihat Warga MBSP ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dalam penjagaan kesihatan dan memastikan setiap warga kerja MBSP dapat memberi perkhidmatan serta mutu kerja dengan lebih baik kepada *stakeholders*. Selain itu, ianya secara tidak langsung mengeratkan lagi hubungan sesama warga kerja. Di sini saya ingin memberi penekanan kepada Ketua-Ketua Jabatan dalam memainkan peranan untuk melibatkan semua kakitangan dengan sebaiknya.

Saya dimaklumkan bahawa, Program Senam Sihat Warga MBSP telah bermula sejak tahun 2018 sehingga tahun 2019. Lanjutan daripada penularan wabak pandemik Covid-19 pada penghujung tahun 2019, pihak pengurusan telah membuat keputusan untuk menangguhkan program ini.

Selaras dengan pengumuman kerajaan bahawa Malaysia telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik mulai 01 April 2022, MBSP berhasrat untuk meneruskan semula program ini.

Program Senam Sihat 2022 akan diadakan sebanyak dua (2) kali sebulan iaitu pada minggu kedua dan minggu keempat selama 30 minit (8.30 sehingga 9.00 pagi) bermula bulan Jun 2022, iaitu hari ini. Sebanyak 14 Program Senam Sihat telah dijadualkan untuk diadakan daripada bulan Jun sehingga Disember 2022. Lokasi yang ditetapkan setakat ini, adalah *Upcycle Park*, Bandar Perda; Taman Tecoma, Bandar Perda (bersebelahan *Upcycle Park*); dan Lingkaran Bougainvillea, Bandar Perda (bersebelahan Masjid Perda). Kumpulan Sasaran Peserta adalah terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan MBSP.

Program Senam Sihat ini melibatkan beberapa aktiviti kecergasan (*fitness*) iaitu *jogging* dan berjalan, dan secara langsung dapat membudaya dan mempromosikan penjagaan kesihatan serta gaya hidup sihat melalui senaman serta riadah dalam tempoh yang singkat.

Di samping mempromosikan gaya hidup yang sihat kepada warga MBSP, MBSP telah menaiktaraf lokasi-lokasi berhampiran Menara Bandaraya MBSP bagi menjayakan program-program berkaitan penjagaan kesihatan melalui riadah. Dengan adanya fasiliti serta kemudahan yang telah disediakan MBSP kepada pengunjung untuk beriadah serta menjalankan aktiviti bersenam dan santai, diharap ianya dapat dimanfaatkan dan digunakan dengan lebih berhemah dan bertanggungjawab.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

“Prevention Is Better Than Cure” atau “Mencegah Adalah Lebih Baik Daripada Merawat”. Kos rawatan perubatan sangat mahal dan oleh sebab itu bagi mencegahnya, saya rasa, InsyaaAllah, program-program sihat sebegini ini dapat membantu. Tuan-tuan dan puan-puan juga perlu mengambil kira soal pemakanan yang sihat. Pastikan diri kita, anak-anak

kita atau keluarga kita mendapat makanan yang seimbang dan sihat. Memberikan makanan yang terbaik adalah kunci kesihatan yang lebih baik juga.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat khususnya daripada Jabatan Khidmat Pengurusan dan semua warga kerja MBSP di atas komitmen dalam penganjuran program-program yang berfaedah ini. Program ini juga menunjukkan betapa prihatin dan sayangnya pihak pengurusan MBSP kepada anda semua. Saya berharap program ini dapat mencapai objektifnya dan mampu mencetuskan anjakan paradigma baru di kalangan kakitangan MBSP. Oleh itu, marilah bersama-sama kita semarakkan Program Senam Sihat Warga MBSP.

Dengan kata-kata itu, saya dengan lafaz **Bismillahi Rahmanir Rahim**, merasmikan Program Senam Sihat Warga MBSP.

Sekian. Terima Kasih

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh***